



UDA HOLDINGS BERHAD

**UDA RASMI PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT 'UDA CARES'
SEMPENA MAJLIS RUMAH TERBUKA DI JOHOR BAHRU**

Johor Bahru, 19 Jun 2019 – UDA Holdings Berhad (UDA), syarikat pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan berdaya saing di Malaysia, merasmikan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang diberi nama 'UDA Cares', hari ini, di sini. Majlis pelancaran yang diadakan di Angsana Johor Bahru Mall itu adalah bersempena Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri anjuran anak syarikat UDA Land South Sdn Bhd (ULSSB) dan Angsana Johor Bahru Mall.

Majlis perasmian itu disempurnakan oleh YBras Tn. Hj. Zahrin Zakaria, Pemangku Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif UDA. Turut hadir pada majlis tersebut ialah barisan Ahli Lembaga Pengarah UDA iaitu YBras Encik Ar. Mohamad Subki Ahmad. Majlis turut dihadiri YBhg Datuk Ahmad Tajuddin Mohamed, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Pengurusan Aset UDA, YBras Tn. Hj. Noor Azmi Salleh, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Pembangunan Hartanah UDA dan YBras Tn. Hj. Hishamuddin Mon, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Perkhidmatan Korporat UDA serta barisan pengurusan kanan UDA yang lain.

Menurut Tn. Hj. Zahrin Zakaria, "Sebagai sebuah syarikat yang mengambil berat tentang keseimbangan dalam perniagaan, UDA sentiasa menyantuni komuniti setempat khususnya golongan yang memerlukan bagi menyumbang semula kepada masyarakat. Usaha berterusan itu dijalankan bukan saja memberi nilai tambah dan membantu komuniti setempat tapi dalam masa yang sama mengeratkan hubungan antara UDA dan anak syarikat bersama komuniti setempat khususnya di kawasan-kawasan projek pembangunan dan perniagaan UDA yang berada di serata Malaysia," katanya.

Jenama UDA Cares mula diperkenalkan pada tahun 2017. Sebelum itu, UDA telah menjalankan pelbagai aktiviti CSR sejak dari awal penubuhan namun, tiada jenama yang khusus diketengahkan. Jenama UDA Cares diperkenalkan bagi meningkatkan kesedaran ramai terhadap usaha dan inisiatif UDA dalam memperkasakan komuniti setempat.

Sempena pelancaran 'UDA Cares', UDA turut memperkenalkan empat (4) tunggak baru dalam program CSR tersebut iaitu; UDA Cares – Educational, UDA Cares – Entrepreneur, UDA Cares – Project RE_ dan UDA Cares – Enriching Life.

Tn. Hj. Zahrin berkata, "Bagi UDA Cares – Educational, UDA mendekati generasi muda khususnya pelajar sekolah bagi sebagai usaha memperkasa komuniti setempat menerusi pendidikan. Inisiatif itu bakal diterjemahkan menerusi program sekolah angkat yang dipilih di dalam kawasan perniagaan UDA, contohnya di Johor, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Terengganu dan Selangor. Dua sekolah yang terpilih di Johor adalah Sekolah Kebangsaan Sg. Danga dan juga Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar UDA Utama dan setiap sekolah menerima sumbangan dana RM30,000.00.

"UDA turut memperkenalkan UDA Cares – Entrepreneur. Sesuai dengan peranan UDA iaitu sebagai salah satu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), UDA memperkenalkan program CSR ini bagi usaha menggalakkan kegiatan keusahawan dalam komuniti sekitar perniagaan UDA," katanya lagi.

Bagi memperkasa gaya hidup komuniti setempat, UDA turut mengetengahkan UDA Cares – Project RE_ yang memfokuskan untuk memberi nilai tambah kepada komuniti setempat di kawasan pembangunan UDA. Program ini memfokuskan kepada tiga (3) elemen utama iaitu komuniti, alam sekitar dan kesihatan.

Melalui program UDA Cares Enriching Life pula, UDA sentiasa menyantuni golongan yang memerlukan khususnya golongan asnaf yang layak bagi menerima sumbangan zakat. Setiap tahun UDA membayar zakat kepada Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan dan sebahagian wang zakat dikembalikan untuk UDA mengagihkan kepada golongan asnaf yang layak. Saluran sumbangan diberikan khusus kepada golongan asnaf yang layak di sekitar kawasan pembangunan UDA.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan berdaya saing di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan pengurusan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my atau laman Facebook www.facebook.com/UDAHoldings.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Nor Hanisah Kamaruzaman** | n.hanisah@udanet.com | **+6013 597 4264**
- **Latifah Osman (Lat)** | lat@udanet.com | **+6012 291 5427**

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855

